

Piagam Hospital Pesakit Awam Australia Barat

Semua pesakit di hospital awam Australia Barat berhak untuk:

1. memilih untuk menerima perkhidmatan hospital awam percuma sebagai pesakit awam, atau dirawat sebagai pesakit swasta di hospital awam
2. menerima rawatan berdasarkan keperluan kesihatan anda, dan, jika perlu menunggu untuk rawatan ini, dimaklumkan berapa lama anda dijangka menunggu
3. mempunyai akses kepada pelbagai perkhidmatan hospital tidak kira di mana anda tinggal di Australia Barat
4. mempunyai akses kepada jurubahasa
5. bersetuju atau enggan menyertai latihan penuntut perubatan/ kejururawatan atau penyelidikan perubatan
6. dilayan dengan hormat, bermaruah dan diberi perhatian mengenai privasi dan keperluan khas anda
7. di mana sesuai, ditemani oleh ahli keluarga, rakan, penjaga atau orang pilihan anda
8. menerima penjagaan kesihatan yang selamat dan bermutu tinggi, yang disediakan dengan ketelitian, kemahiran dan kecekapan profesional
9. menerima penerangan yang jelas mengenai sebarang rawatan yang disarankan, termasuk risiko yang mungkin dihadapi dan alternatif, sebelum bersetuju atau enggan menerima rawatan
10. mendapatkan pandangan kedua
11. diberi maklumat mengenai penjagaan kesihatan anda yang selanjutnya sebelum anda meninggalkan hospital dan memastikan maklumat hubungan anda sentiasa dikemas kini
12. memohon untuk diberi akses kepada rekod perubatan anda di bawah *Akta Kebebasan Maklumat (Fol) 1992* dan memastikan maklumat peribadi anda disimpan secara sulit
13. memberi pujian, komen atau rungutan mengenai penjagaan kesihatan yang anda terima, dan diberi maklumat mengenai cara untuk membuat aduan, tanpa kompromi terhadap penjagaan kesihatan anda.

Pesakit kesihatan mental

Akta Kesihatan Mental 1996 memberi beberapa hak tambahan kepada pesakit yang menerima rawatan psikiatri. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi Pejabat Ketua Psikiatri di talian (08) 9222 4462 atau lawati www.chiefpsychiatrist.health.wa.gov.au

